

Dr. M mahu pemimpin UMNO Kelantan jamin tidak sabotaj calon dipilih

UM 22 JUN 2002

KUALA LUMPUR 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan terutama ketua-ketua bahagian berikrar kepadanya untuk menyokong sesiapa sahaja yang dipilih menjadi calon dalam pilihan raya akan datang.

Presiden UMNO itu menegaskan, komitmen itu adalah sebagai jaminan bahawa mereka tidak akan mensabotaj mereka yang dipilih oleh parti.

“Kalau kita komited, kita akan sokong sesiapa sahaja tanpa mengira siapa menjadi calon. Yang utama ialah parti, tidak kira siapa calon.

“Parti adalah jentera kita dalam perjuangan. Sayanglah parti dan tentukan kemenangan. Kalau ada komitmen itu, saya yakin kita boleh menang,” tegasnya ketika berucap pada majlis makan malam anjuran Badan Perhubungan UMNO

Kelantan sempena perhimpunan agung parti itu di sini malam ini.

Kira-kira 2,000 jemputan hadir pada majlis yang diadakan di rumah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamad.

Turut hadir ialah beberapa pemimpin UMNO Kelantan termasuk Pengerusi Lembaga Disiplin, Tengku Ahmad Rithauddeen, Datuk Annuar Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Kekuatan

Dr. Mahathir berkata, kegagalan merampas Kelantan sejak tiga pilihan raya lalu bukanlah disebabkan oleh kekuatan Pas tetapi kerana rakyat Kelantan bosan dengan sikap pemimpin UMNO yang sering bercakaran.

Katanya, beliau beranggapan bahawa

orang UMNO Kelantan kurang sayangkan parti, sebaliknya lebih sayangkan individu tertentu.

“Perkara ini semua orang tahu dan saya sendiri diberitahu oleh orang Kelantan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau sebenarnya sudah hampir putus asa untuk berusaha merampas Kelantan dari Pas tetapi masih ada pemimpin UMNO negeri itu yang optimis seperti Datuk Ibrahim Ali.

“Dia masih ada harapan. Saya sudah tak ada harap. Dah tiga kali Ibrahim kalah. Saya tidak tahulah kali keempat.

“Kelantan ini macam Perancis main bola. Dengan Senegal pun kalah,” katanya.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, beliau sebenarnya amat kecewa kerana

Kelantan berada di bawah kerajaan yang lemah kerana Kelantan lebih ‘Melayunya’ berbanding negeri-negeri lain.

Katanya, orang Kelantan juga dikurniakan dengan pelbagai bakat sehinggakan sebahagian besar pegawai tinggi kerajaan terdiri dari orang Kelantan dan mereka juga merantau ke serata negara.

“Tetapi orang macam Nik Aziz yang jadi Menteri Besar. Dia (Nik Aziz) patut ‘give up’ dan kita kena paksa dia ‘give up’ dengan memenangi pilihan raya,” tegasnya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri memberitahu bahawa Puteri UMNO akan diberikan tugas yang berkaitan dengan komputer.

“Apa sahaja perkara yang berkaitan dengan komputer kita serahkan kepada Puteri,” katanya tanpa menjelaskan dengan lebih lanjut.